

SOALAN LAZIM MENGENAI PROGRAM CABUTAN HADIAH BONANZA SADA 2022

1. Siapakah yang layak untuk menyertai Program Cabutan Hadiah Bonanza SADA 2022 ini?

Untuk menyertai program ini, pengguna tersebut haruslah terdiri daripada pengguna domestik (Kediaman) yang berdaftar sebagai nama individu dengan Syarikat Air Darul Aman (SADA).

2. Bilakah saya boleh sertai Program ini?

Program ini akan bermula pada 17 Julai 2022 dan berakhir 30 Disember 2022.

3. Berapa jumlah bayaran minimum yang layak untuk menyertai Program Cabutan Hadiah Bonanza SADA?

Bayaran minimum yang layak untuk menyertai program ini adalah sebanyak RM 150.00 bagi satu resit bayaran bil air. Lain-lain bayaran (selain bil air) tidak layak untuk menyertai program ini.

4. Jika saya mempunyai tunggakan bil air, bolehkah saya sertai program ini?

Jika akaun anda mempunyai tunggakan bil air, anda masih boleh menyertai program ini dengan syarat bayaran yang dibuat hendaklah melebihi RM 150.00 dan tunggakan hendaklah diselesaikan pada 30 Disember 2022 supaya penyertaan ini tidak terbatal.

5. Jika saya berminat untuk sertai program ini, di mana saya boleh mengisi borang penyertaan?

Borang penyertaan boleh didapati secara atas talian seperti di laman web rasmi SADA dan secara QR code di Kaunter-kaunter bayaran SADA. Pengisian adalah secara talian dan bukannya dicetak.

6. Jika bayaran yang dibuat melebihi 1 borang penyertaan (Contoh RM 300.00), perlukah saya mengisi borang mengikut jumlah bayaran yang dibuat?

Jika bayaran yang dibuat dalam satu resit melayakkan anda memperolehi lebih daripada satu penyertaan, anda hanya perlu mengisi borang penyertaan sekali sahaja. Jumlah penyertaan akan dikira secara automatik selepas jumlah bayaran diisi.

7. Bolehkah saya sebagai kakitangan SADA mengisi borang penyertaan untuk bukan kakitangan SADA?

Boleh, dengan syarat tidak di isi sekali lagi dalam borang untuk kakitangan SADA. Jika didapati terdapat dua penyertaan untuk resit yang sama, secara automatiknya salah satu penyertaan akan terbatal.

8. Bilakah nama pemenang akan diumumkan dan bagaimana saya hendak tahu saya adalah salah seorang pemenang?

Cabutan bonanza SADA akan dibuat pada Februari 2023 dan nama pemenang akan diumumkan melalui panggilan telefon, Email dan surat rasmi SADA. Jika tiada maklumbalas dalam tempoh 7 hari daripada tarikh surat dihantar, secara automatiknya nama pemenang akan terbatal dan cabutan semula nama akan dibuat.